



PESERTA kursus bergambar bersama pegawai-pegawai HEP, UMS induk dan UMS-KAL.

33 pelajar UMS-KAL sertai K-POP 2012

UB 21.03.2012 B4

SEKSYEN Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS baru-baru ini telah mengadakan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar atau K-POP di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Program yang disertai oleh seramai 33 orang pelajar dari UMS-KAL ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang perkara-perkara yang perlu ada kepada seorang pemimpin dan pengurus.

Selain itu, program ini juga adalah untuk pelajar mengetahui kaedah-kaedah pengurusan organisasi pelajar serta mengetahui tatacara penubuhan sebuah badan pelajar khususnya di UMS.

Kursus ini adalah aktiviti tahunan khusus untuk pemimpin pelajar di UMS-KAL yang telah dirancang serta ditakwim sedari awal menekankan kaedah dalam pengurusan organisasi pelajar agar tatacara kepimpinan yang dibawa lebih berstruktur dan teratur.

Malah peserta akan diketengahkan juga



PENGISIAN program dalam kerja berkumpulan.

kepentingan melibatkan diri dalam kepimpinan pelajar sebagai salah satu medan latihan dalam mengurus aktiviti dan program yang dianjurkan.

Sesungguhnya penyertaan dalam kepimpinan pelajar tidak kira dari peringkat mana sekalipun akan memberikan ilmu yang berguna apabila meninggalkan dunia

universiti.

Kursus ini merupakan kursus kali kedua dan pertama yang diadakan di UMS-KAL dan dikhaskan kepada mahasiswa UMS-KAL sahaja.

Sebelum itu, program ini telah dilaksanakan di UMS Induk pada 29 Februari 2012 lalu di Bangunan Anjung Siswa, UMS dan disertai seramai 43 orang pelajar.

Kursus ini juga bakal diadakan di UMS Kampus Sandakan pada 30 Mac 2012.

Kursus ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama dengan Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS-KAL; Norhanizah Adnan yang juga selaku penceramah pada hari tersebut.